

Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kemahiran Asas Membaca di Kelas Pemulihan: Kajian Kes di Lima Buah Sekolah Daerah Serian

Charlie Anak Ungang
Jabatan Kajian Sosial

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat sejauh mana bahan bantu mengajar (BBM) membantu pelajar-pelajar pemulihan khas dalam menguasai kemahiran asas bacaan. Kajian juga mengenal pasti tanggapan guru dan pelajar terhadap penggunaan bahan bantu mengajar, masalah yang dihadapi oleh guru dalam penyediaannya serta keberkesanannya dalam mempertingkatkan pencapaian pelajar-pelajar pemulihan dalam menguasai kemahiran asas bacaan. Responden kajian terdiri daripada 5 orang guru pemulihan dan 15 orang pelajar pemulihan dari 5 buah sekolah rendah di Daerah Serian, Sarawak. Kaedah kajian dijalankan dengan menggunakan soal selidik, temubual dan pemerhatian rekod. Data kajian dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif. Beberapa cadangan dikemukakan kepada guru dan pentadbir untuk mempertingkatkan keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar dalam kelas pendidikan pemulihan seperti menyalurkan peruntukan untuk penyediaan bahan bantu mengajar, mengadakan kursus lanjutan, perlunya sokongan dari ibu-bapa dan masyarakat serta mempertingkatkan kesedaran pihak pengurusan sekolah bahawa pelajar-pelajar pemulihan juga inginkan kemajuan dan peningkatan dalam akademik.

PENGENALAN

Kegagalan berterusan untuk membolehkan terpupuknya dengan berkesan penguasaan kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira seperti yang terkandung dalam pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) tidak boleh dibiarkan. Masalah keupayaan murid-murid pemulihan dalam menguasai kemahiran asas bacaan yang menjadi penggerak kepada kemahiran berkomunikasi dan berfikir secara kritis dan kreatif tidak ditangani secara serius dan bersungguh-sungguh. Masalah ini harus diatasi secara jujur oleh semua pihak.

Bahan bantu mengajar sama ada elektronik atau bukan elektronik adalah bahan sokongan yang penting untuk meningkatkan kefahaman murid-murid di samping mengekalkan minat belajar. Selain itu bahan bantu mengajar juga dapat menjelaskan mesej yang ingin disampaikan. Proses pengajaran yang disertakan juga dapat menjelaskan mesej yang ingin disampaikan. Dale (1969) menyatakan bahawa pengajaran dapat ditingkatkan dengan berkesan bila dibantu dengan media yang membolehkan pengalaman dalam ingatan. Penglibatan melalui pengalaman merupakan cara yang paling berkesan dalam pembelajaran.

Pernyataan Masalah

Setelah hampir tiga puluh tahun perlaksanaannya, Program Pendidikan Pemulihan masih belum berkesan sepenuhnya dalam usaha menangani masalah penguasaan 3M khususnya kemahiran asas membaca dalam kalangan pelajar-pelajar pemulihan, serta memastikan 100% celik huruf dalam sistem pendidikan negara. Jabatan Pendidikan Khas, dalam Buku Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan Pemulihan Khas melaporkan bahawa "berdasarkan laporan penyelidikan menunjukkan antara sepuluh hingga lima belas peratus dalam kalangan murid-murid sekolah masih menghadapi masalah kegagalan menguasai 3M khususnya kemahiran asas pembacaan" (Kementerian Pendidikan Malaysia 1999)

Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pekelilingnya KP/JPK/BPKP/03/03/1 (43) (1998), telah mencadangkan agar semua sekolah rendah dan menengah di seluruh negara melaksanakan program intervensi 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) mulai Januari 1999. Keadaan ini memperlihatkan betapa seriusnya masalah kegagalan menguasai kemahiran asas membaca dalam kalangan murid-murid sekolah rendah di seluruh negara, dan golongan yang dimaksudkan ialah murid-murid pemulihan.

Utusan Malaysia (9 Oktober 2006) memetik pendedahan Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), N. Siva Subramaniam yang menyatakan bilangan pelajar lemah membaca adalah terlalu ramai iaitu menjangkau jumlah lebih daripada 500,000 orang pelajar yang kebanyakannya terdiri dari pelajar tahun enam. Menurut Utusan Malaysia, jumlah ini mewakili 25% daripada 2 juta pelajar-pelajar sekolah rendah di seluruh negara. Beliau turut menyarankan agar program pendidikan pemulihan di sekolah diperhebatkan dengan mempelbagaikan pendekatan agar masalah ini dapat ditangani secara berkesan.

Persoalan Kajian

1. Adakah penggunaan bahan bantu mengajar dapat membantu mempertingkatkan pencapaian penguasaan kemahiran membaca dalam kalangan murid-murid pemulihan?
2. Adakah penggunaan bahan bantu mengajar dapat menarik minat murid-murid pemulihan dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas pemulihan?
3. Apakah masalah yang kerap dihadapi oleh guru untuk menyediakan bahan bantu mengajar dalam aktiviti asas membaca.
4. Sejauh mana kekerapan bahan bantu mengajar digunakan oleh guru dalam proses pengajaran asas membaca dalam kelas pemulihan.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mendapatkan maklum balas tentang sejauh mana bahan bantu mengajar memberi kesan kepada peningkatan kemahiran asas membaca dalam kalangan murid-murid pemulihan. Kajian ini juga bertujuan memperlihatkan bagaimana murid-murid pemulihan dapat mempertingkatkan prestasi kemahiran membaca dengan berbantuan bahan bantu mengajar yang terancang dan berperingkat. Kajian ini juga bertujuan meninjau dan menyelidiki komitmen semua warga pendidik di sekolah-sekolah yang dikenal pasti, guru pendidikan pemulihan, guru besar dan juga, ibu-bapa dalam usaha mempertingkatkan prestasi murid-murid pemulihan dalam menguasai kemahiran membaca.

Objektif Kajian

1. Untuk mengenal pasti sejauh mana penggunaan bahan bantu mengajar dapat mempertingkat pencapaian pembacaan pelajar pemulihan.
2. Untuk mengenal pasti sejauh mana penggunaan bahan bantu mengajar dapat menarik minat pelajar pemulihan.
3. Untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh guru untuk menyediakan bahan bantu mengajar dalam aktiviti pembacaan.

4. Untuk meninjau sejauh mana bahan bantu mengajar kerap digunakan oleh guru dalam pengajaran pembacaan dalam kelas pemulihan.

Kepentingan Kajian

i) Kepada guru dan pelajar

Menyedarkan para guru bahawa penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dapat memudahkan pengajaran guru serta memberi rangsangan, motivasi dan minat untuk murid-murid pemulihan menguasai kemahiran membaca dan secara langsung akan meningkatkan pencapaian akademik dalam kalangan murid-murid pemulihan.

ii) Kepada pihak sekolah

Menyedarkan pihak sekolah serta pentadbir tentang masalah yang dihadapi oleh guru pemulihan dalam menyediakan bahan bantu mengajar. Pihak sekolah harus turut berasa bertanggungjawab di atas masalah yang dihadapi oleh guru pemulihan untuk membina dan menyediakan bahan bantu mengajar. Beban untuk mengajar mereka harus ditanggung bersama oleh pihak sekolah dan bukan diserahkan bulat-bulat kepada guru pemulihan sahaja.

iii) Kepada Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak

Agar Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak mengambil kira tentang perlunya diadakan kursus, bengkel dan latihan dalaman secara intensif untuk guru-guru pemulihan bagi menyediakan kemahiran dan pengetahuan dalam menyedia, mengendalikan serta menggunakan bahan bantu mengajar dalam setiap aktiviti pembacaan dalam kelas pemulihan.

iv) Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia

Agar pihak kementerian khususnya Jabatan Pendidikan Khas memberi perhatian kepada keperluan untuk ditambah peruntukan kewangan bagi tujuan pembinaan dan penyediaan bahan bantu mengajar.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan tiga jenis instrumen iaitu kaedah soal selidik yang akan ditunjukkan kepada guru, kaedah temubual dengan pelajar-pelajar dan pemerhatian rekod pengesanan pencapaian asas bacaan bagi meninjau tahap kemajuan pelajar-pelajar pemulihan. Kajian ini ialah kajian deskriptif yang berbentuk tinjauan dengan melaporkan sebarang maklumat yang diperolehi daripada soal selidik yang ditunjukkan kepada lima orang guru pendidikan pemulihan yang sedang mengajar dan mengendalikan program

pendidikan pemulihan di lima buah sekolah yang berasingan di Daerah Serian, Sarawak.

Populasi Kajian

Rasional Daerah Serian dipilih untuk kajian ini adalah kerana ianya daerah yang mempunyai bilangan kelas program pemulihan yang terbesar dan mempunyai bilangan sekolah rendah yang ke dua terbesar di Sarawak. Daerah Serian mempunyai sebanyak dua puluh buah sekolah yang mempunyai kelas pemulihan dan sebanyak tujuh puluh sembilan buah sekolah rendah (Laporan Tahunan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, 2005). Sampel yang digunakan ialah seramai dua puluh orang iaitu seramai lima orang guru dan lima belas orang pelajar pendidikan pemulihan. Sekolah-sekolah yang dijadikan lokasi kajian terletak jauh antara satu sama lain dan boleh dihubungi dengan pengangkutan darat. Ini memudahkan kerja-kerja kajian dijalankan.

Instrumen Kajian

Tiga jenis instrumen digunakan dalam kajian ini iaitu soal selidik, temubual dan pemerhatian rekod. Soal selidik ditujukan kepada responden dari kalangan guru pemulihan. Data kajian dikutip dengan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi 26 item yang terdiri daripada tiga bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Kaedah temubual digunakan untuk memperolehi maklumat responden dari kalangan pelajar-pelajar pendidikan pemulihan bagi meninjau sejauh mana minat dan pengetahuan mereka terhadap penggunaan bahan bantu mengajar oleh guru dalam kelas pemulihan. Pemerhatian rekod pengesanan pencapaian asas bacaan yang ada di setiap kelas pemulihan bertindak sebagai instrumen untuk meninjau pencapaian pelajar pada awal dan akhir Semester Satu 2006.

DAPATAN KAJIAN

Analisis Data Soal Selidik dari kalangan Guru Pemulihan

Berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada SPSS dalam Jadual 1, didapati bahawa penggunaan bahan bantu mengajar mempunyai peranan yang amat besar dalam menjadikan pengajaran guru pemulihan lebih selesa dan berkesan. Ini dapat dilihat dengan sebanyak 60% daripada responden bersetuju dan 20% amat bersetuju bahawa penggunaan bahan bantu mengajar dalam kemahiran asas becaan membolehkan pengajaran guru lebih selesa dan menggalakkan. Ini bermakna secara peratusnya sebanyak 80% responden telah menyatakan bersetuju dengan pernyataan

ini. Nilai min iaitu 3.60 menunjukkan hampir semua responden terhadap peranan dan keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar dalam asas membaca untuk pelajar pemulihan.

Jadual 1

Peranan bahan bantu mengajar dan faedahnya kepada guru pemulihan

Item	Kekerapan (N)	Peratus	Min
Mengajar lebih selesa dan menggalakkan			
Amat tidak bersetuju	1	20	
Bersetuju	3	60	
Amat bersetuju	1	20	3.60
Jumlah	5	100	3.60

Jadual 2 memperlihatkan seramai 80% responden bersetuju dan 20% amat bersetuju bahawa menggunakan bahan bantu mengajar, pelajar dapat menerima dengan jelas pengajaran guru. Ini menunjukkan bahawa kesemua responden itu 100% bersetuju bahawa penggunaan bahan bantu mengajar amat berkesan dalam pengajaran kemahiran asas membaca dalam kalangan pelajar pemulihan. Purata min sebanyak 4.20 responden bersetuju bahawa penggunaan bahan bantu mengajar membolehkan pelajar menerima dengan jelas pengajaran guru.

Jadual 2

Kesan penggunaan bahan bantu mengajar

Item	Kekerapan (N)	Peratus	Min
Pelajar dapat menerima dengan jelas pengajaran guru			
Amat tidak bersetuju	-	-	
Tidak bersetuju	-	-	
Kurang bersetuju	-	-	
Bersetuju	4	80	
Amat bersetuju	1	20	4.20
Jumlah	5	100	4.20

Jadual 3 memaparkan analisis data kajian yang menunjukkan seramai 60% responden bersetuju dan 40% amat bersetuju bahawa penggunaan bahan

bantu mengajar menambah minat pelajar untuk terus mengikuti pengajaran asas bacaan dalam kelas pemulihan. Nilai sebanyak 4.40 menunjukkan bahawa semua responden hampir amat bersetuju bahawa apabila menggunakan bahan bantu mengajar, pelajar menjadi lebih berminat mengikuti pengajaran dan pembelajaran kemahiran asas membaca. Penggunaan bahan bantu mengajar mampu menambah minat serta mendapati pengajaran guru amat menyeronokkan.

Jadual 3

Kesan penggunaan bahan bantu mengajar terhadap iklim pengajaran.

Item	Kekerapan (N)	Peratus	Min
Pelajar merasa seronok untuk terus belajar			
Amat tidak bersetuju	-	-	
Tidak bersetuju	-	-	
Kurang bersetuju	-	-	
Bersetuju	3	60	
Amat bersetuju	2	40	4.40
Jumlah	5	100	4.40

Kursus dan bengkel pendidikan pemulihan yang pernah dihadiri oleh semua responden didapati masih kurang berkesan. Analisis data di Jadual 4 menunjukkan bahawa seramai 40% daripada responden menyatakan bahawa kursus dan bengkel pendidikan pemulihan yang pernah dihadiri tidak berkesan dan seramai 20% menyatakan kurang berkesan. Secara keseluruhannya peratusan responden menyatakan kursus dan bengkel masih tidak berkesan adalah tinggi iaitu seramai 60%, berbandingkan 40% yang menyatakan berkesan. Nilai min iaitu 3.20 yang ditunjukkan dalam analisis data juga menunjukkan bahawa kursus dan bengkel yang pernah dihadiri oleh semua responden kurang berkesan. Penyelesaian untuk mengatasi masalah penyediaan bahan bantu mengajar melalui bengkel dan kursus perlu dibuat penilaian semula.

Analisis data dapatan soalan-soalan terbuka yang dikemukakan kepada responden dari kalangan guru pemulihan

Rata-rata responden menyatakan bahawa mereka memerlukan kursus dan bengkel untuk menyediakan bahan bantu mengajar dan ianya perlu diadakan dari semasa ke semasa. Jadual 9 dibawah memperlihatkan bahawa semua responden iaitu 100% memberi pendapat bahawa mereka

memerlukan kursus dan bengkel untuk memperlengkapkan diri dengan teknik dan kemahiran penyediaan bahan bantu mengajar untuk kelas pendidikan pemulihan terutama sekali dalam kemahiran asas bacaan. Nilai min tertinggi 5.00 memperkukuhkan lagi bahawa mereka sememangnya memerlukan kursus dan bengkel untuk penyediaan bahan bantu mengajar.

Jadual 4

Penyelesaian masalah penyediaan bahan bantu mengajar

Item	Kekerapan (N)	Peratus	Min
1. Adakah kursus dan bengkel untuk menyediakan bahan bantu mengajar perlu?			
Perlu	5	100	
Tidak Perlu	-	-	5.00
Jumlah	5	100	5.00
2. Saranan guru untuk mengatasi masalah penyediaan BBM			
Kursus anjuran JPN	3	60	
Kursus anjuran JPD	1	20	
Kursus anjuran secara berkelompok	1	20	3.60
Jumlah	5	100	3.60
3. Jika diberi pilihan adakah anda berminat untuk mengajar kelas lain			
Ya	1	20	
Tidak	4	80	4.20
Jumlah	5	100	4.20

Analisis yang terpapar dalam Jadual 4 juga memperlihatkan bahawa 80% daripada responden tidak berminat untuk mengajar kelas lain selain daripada program pendidikan pemulihan. Hanya 20% sahaja menyatakan kesediaan untuk meninggalkan kelas pemulihan. Nilai min yang tinggi iaitu sebanyak 4.2 menunjukkan bahawa sebilangan besar guru pemulihan sememangnya masih berminat untuk melaksanakan program pemulihan di sekolah-sekolah rendah di daerah Serian.

Analisis Data Dapatan Temubual Responden dari Kalangan Responden yang terdiri daripada Pelajar-Pelajar Program Pendidikan Pemulihan

Analisis data daripada dapatan temubual memperlihatkan bahawa kesemua responden iaitu seramai 15 orang atau 100% tahu bahawa gambar-gambar yang ditunjukkan kepada mereka ialah bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru dalam bilik darjah dalam pengajaran asas bacaan. Sementara itu 12 orang atau 80.4% daripada responden menyatakan bahawa gambar-gambar yang digunakan oleh guru semasa mengajar menarik dan 3 orang atau 20.1 % menyatakan gambar yang digunakan oleh guru semasa mengajar semuanya cantik.

Analisis Data daripada Rekod Pengesanan Pencapaian atau Prestasi Asas Bacaan pada Awal dan Akhir Semester

Bagi meninjau sejauhmana keberkesanan bahan bantu mengajar dalam mempertingkatkan penguasaan kemahiran asas bacaan dalam kelas pemulihan, rekod prestasi asas bacaan telah diperiksa dan dibuat analisis. Rekod pengesanan pencapaian asas bacaan ini telah diperolehi dari fail individu pelajar yang juga sampel kajian. Analisis data dibuat pada awal dan akhir semester satu, 2007. Jadual 5 menunjukkan pencapaian pelajar dalam menguasai asas bacaan pada awal semester sementara Jadual 6 menunjukkan pencapaian pelajar pada akhir semester. Jadual 7 menunjukkan perbandingan antara pencapaian pelajar pada awal dan akhir semester. Min pencapaian dikira dengan formula berikut:

$$\begin{aligned} \text{Min} &= \frac{\text{Jumlah pencapaian (\%) pelajar}}{\text{Bilangan pelajar}} \\ &= \frac{885.3}{15} \\ &= 59.0\% \end{aligned}$$

Jadual 5

Pencapaian pelajar dalam kemahiran asas bacaan pada awal semester

Bil.	Nama Pelajar (bukan nama sebenar)	Sekolah	Pencapaian (%)
1	John	SK Sebanban	62.3
2	Cynthia	SK Sebanban	70.0
3	Felix	SK Sebanban	45.5
4	Letchemi	SK Lebur	87.5
5	Entika	SK Lebur	75.0
6	Alexmey	SK Lebur	87.5
7	Conie	SK St Alban	62.5
8	Queen	SK St Alban	70.0
9	Mike	SK St Alban	37.5
10	Ahmad	SK Rayang	55.0
11	Siti	SK Rayang	25.0
12	Damien	SK Rayang	47.5
13	Zainuddin	SK Melansai	54.0
14	Ros	SK Melansai	62.5
15	Arif	SK Melansai	43.5
	Min		59.0

Jadual 6

Pencapaian pelajar dalam asas bacaan di akhir semester satu

Bil.	Nama Pelajar (bukan nama sebenar)	Sekolah	Pencapaian (%)
1	John	SK Sebanban	70.0
2	Cynthia	SK Sebanban	80.0
3	Felix	SK Sebanban	78.5
4	Letchemi	SK Lebur	97.5
5	Entika	SK Lebur	90.0
6	Alexmey	SK Lebur	97.5
7	Conie	SK St Alban	90.0
8	Queen	SK St Alban	87.5
9	Mike	SK St Alban	72.5
10	Ahmad	SK Rayang	80.0
11	Siti	SK Rayang	60.0
12	Damien	SK Rayang	80.0
13	Zainuddin	SK Melansai	70.0
14	Ros	SK Melansai	80.5
15	Arif	SK Melansai	60.5
	Min		80.0

Kadar peningkatan min dikira dengan menggunakan formula seperti di bawah untuk memberi satu gambaran yang jelas mengenai peningkatan min pencapaian pada awal semester dan akhir semester.

$$\begin{aligned} \text{Kadar peningkatan min} &= \% \text{min akhir semester} - \% \text{min awal semester} \\ &= 80\% - 59\% \\ \text{Peningkatan} &= 21\% \end{aligned}$$

Jadual 7

Perbandingan peratusan prestasi pencapaian kemahiran asas bacaan pada awal dan akhir semester satu

Bil.	Nama Pelajar (bukan nama sebenar)	Sekolah	Awal Semester %	Akhir Semester %	Peningkatan
1	John	SK Sebanban	62.3	70.0	7.7
2	Cynthia	SK Sebanban	70.0	80.0	10.0
3	Felix	SK Sebanban	45.5	78.5	33.0
4	Letchemi	SK Lebur	87.5	97.5	10.0
5	Entika	SK Lebur	75.0	90.0	15.0
6	Alexmey	SK Lebur	87.5	97.5	10.0
7	Conie	SK St Alban	62.5	90.0	27.0
8	Queen	SK St Alban	70.0	87.5	17.5
9	Mike	SK St Alban	37.5	72.5	35.0
10	Ahmad	SK Rayang	55.0	80.0	25.0
11	Siti	SK Rayang	25.0	60.0	35.0
12	Damien	SK Rayang	47.5	80.0	32.5
13	Zainuddin	SK Melansai	54.0	70.0	16.0
14	Ros	SK Melansai	62.5	80.5	18.0
15	Arif	SK Melansai	43.5	60.5	17.0
	Min		59.0%	80%	21.0

PERBINCANGAN DAPATAN

Keberkesanan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar terhadap Pengajaran

Analisis dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min yang tinggi iaitu 3.60 dan peratus sebanyak 60% bersetuju dan 20% amat bersetuju menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar membolehkan pengajaran guru

lebih selesa dan menggalakkan dalam proses pengajaran asas bacaan. Keputusan ini bertepatan dengan pendapat Mohd Daud Hamzah (1990) yang menyatakan bahawa semakin banyak pancaindera yang dilibatkan semakin banyak pengalaman pembelajaran yang diperolehi bagi mengembangkan keintelektualan pelajar dengan berkesan. Keputusan ini menunjukkan bahawa guru bukan lagi menggunakan kata, suara, isyarat, papan tulis dan kapur sahaja dalam menyampaikan pengajarannya terutama sekali kepada pelajar-pelajar pemulihan dalam menguasai kemahiran asas bacaan. Keputusan ini amat bersesuaian dengan pendapat Rasihidi Azizan & Abdul Razak Habib (1998) yang menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar merupakan sebahagian daripada usaha guru bagi memberangsangkan minat dan tumpuan pelajar terhadap pengajaran yang seterusnya menjamin pemerolehan pengetahuan dan kemahiran oleh pelajar.

Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dapat mempertingkatkan Prestasi Penguasaan Asas Bacaan Pelajar

Dilihat dari rekod pengesanan pencapaian bacaan pemulihan pada awal dan akhir semester, sememangnya prestasi yang ditunjukkan oleh pelajar sebelum dan selepas penggunaan bahan bantu mengajar dalam kemahiran asas bacaan amatlah jauh perbezaannya. Peratusan purata min yang ditunjukkan pada awal semester ialah hanya 59%. Pada akhir semester prestasi purata nilai min meningkat kepada 80% dengan peningkatan sebanyak 21% setelah penggunaan bahan bantu mengajar diperhebatkan dalam proses pengajaran asas bacaan di kelas pemulihan oleh guru.

Ini jelas membuktikan bahawa penggunaan bahan bantu mengajar tidak dapat dinafikan lagi telah berjaya mempertingkatkan prestasi penguasaan asas bacaan dalam kalangan pelajar pemulihan. Peningkatan prestasi yang ditunjukkan oleh pelajar ini jelas bertepatan dengan Abdul Rahman Abdul Rashid (1995) bahawa penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai dan menarik dalam proses pengajaran asas bacaan dalam kelas pemulihan adalah penting kerana ia dapat mempertingkatkan kejayaan pembelajaran, lebih-lebih lagi untuk mata pelajaran pengajaran Bahasa Malaysia.

Masalah yang dihadapi oleh Guru dalam menyediakan Bahan Bantu Mengajar

Kajian ini mendapati bahawa 60% daripada responden menyatakan bahawa kelengkapan bahan bantu mengajar di sekolah tidak lengkap. Nilai kekerapan min 4.4 iaitu satu nilai yang dianggap tinggi, menggambarkan bahawa pendapat responden yang menyatakan kelengkapan bahan bantu mengajar di sekolah adalah dalam unit yang terhad. Keadaan sebegini

menurut Koh Boh Boon (1987) menjadi tekanan kepada guru pemulihan yang akan membawa kesan yang negatif kepada pelaksanaan program pemulihan di sekolah.

Penggunaannya secara berkesan dan berterusan sememangnya mendatangkan faedah kepada guru dan murid pendidikan pemulihan. Mok Soon Sang (1995) menyatakan bahawa seseorang guru yang proaktif ialah guru yang sentiasa berusaha mempertingkatkan prestasi pelajarinya mempelajari sesuatu kemahiran bacaan dengan berkesan dengan menitikberatkan penggunaan bahan bantu mengajar sebagai landasan utama bagi mencapai hasrat itu.

CADANGAN

Setakat ini guru-guru pemulihan terpaksa berkongsi dengan rakan-rakan lain untuk menggunakan bekalan am yang sedia ada di sekolah. Ini menimbulkan rasa tidak senang di kalangan mereka kerana didapati guru pemulihan memerlukan bahan yang lebih daripada guru lain. Responden juga mencadangkan agar pihak Jabatan Pendidikan Daerah, melalui peruntukan bekalan am yang ada dapat membekalkan bahan bantu mengajar yang sedia ada di pasaran untuk diagih-agihkan kepada kelas pemulihan, sebagai satu usaha meringankan beban guru dalam penyediaannya.

Mengadakan kursus, bengkel dan latihan dalaman adalah satu usaha murni untuk membantu guru-guru pemulihan menyediakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran mereka dalam asas bacaan dalam kelas pemulihan. Chua Tee Tee dan Koh Boh Boon (1992) menyatakan bahawa oleh kerana guru pemulihan ditugaskan untuk menolong murid lambat dalam penguasaan 3M, maka adalah baik jika mereka didedahkan kepada konsep dan amalan yang terbaru dalam pemulihan kesukaran asas membaca melalui penggunaan teknologi pendidikan yang terkini bersesuaian dengan tahap perkembangan pelajar pemulihan.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Rashid. (1995). *Kepentingan alat bantu mengajar dalam pengajaran bahasa*. Jurnal Teknologi Pendidikan. KPM. Kuala Lumpur.
- Chua Tee Tee & Koh Boh Boon. (1992). *Pendidikan Khas dan Pemulihan: Bacaan Asas*. Dewan Bahasa dan pustaka. Kuala Lumpur.
- Dale R. Edwards. (1969). *Audio Visuals Methods in Teaching*. Holt Richert & Wilson Publications. New York. USA.

- Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. (1998). *Laporan Tahunan, JPNS*. Cetakan Bahagian Teknologi Pendidikan Sarawak. Kuching. Sarawak.
- Jamaludin Badusah, Muhammad Hussin dan Abdul Rasid Johar. (2000). *Inovasi dan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. AMJ Publishing Enterprise. Banting Selangor.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1998). *Pekeliling KP/JPK/BPK PK/03/03/1(43)*. Jabatan Pendidikan Khas. Damansara. Kuala Lumpur.
- Koh Boh Boon. (1987). *Cabaran-cabaran Yang Dihadapi oleh Guru Khas Pemulihan*.
- Mohd Daud Hamzah. (1990). *Pembelajaran dan Implikasi Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Mok Soon Sang. (1995). *Asas Pendidikan I: Pedagogi sebagai Suatu Proses*. Terbitan Kumpulan Budiman Bhd. Kuala Lumpur.
- Rashidi Azizan dan Abdul Razak Habib. (1998). *Pengajaran Dalam Bilik Darjah Kaedah dan Strategi*. Masa Enterprise. Kajang. Selangor.
- Sharifah Alwiah Alsagor. (1994). *Teknologi Pengajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Syed Abu Bakar Syed Akil. (1997). *Bimbingan Khas. Perkhidmatan Pendidikan Pemulihan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Utusan Makaysia. (2006). *Murid-murid tingkatan satu tak boleh membaca*. Oktober. Hal. 8.